

Pembangunan komuniti melalui kelestarian Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) di Pulau Tioman, Pahang

Siti Raihan Ab Rafa, Noordeyana Tambi

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding author: Noordeyana Tambi (email: deyana@ukm.edu.my)

Received: 9 April 2025; Accepted: 4 November 2025; Published: 25 February 2026

Abstrak

Konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Tourism*, CBT) yang berorientasikan komuniti diketahui umum dapat membantu meningkatkan ekonomi negara serta memberi manfaat dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar kepada komuniti setempat. Walaupun begitu, kejayaan konsep pelancongan CBT ini dari aspek pembangunan serta kelestariannya masih menjadi isu dan cabaran di kebanyakan negara khususnya Malaysia. Sehubungan itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap penglibatan komuniti dalam pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) di Pulau Tioman, Pahang. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif dengan teknik kajian tinjauan menggunakan instrumen kajian borang soal selidik. Seramai 90 orang responden telah terlibat dalam kajian ini dengan menggunakan teknik persampelan kebarangkalian kelompok/kluster. Data terkumpul diproses dengan menggunakan Program SPSS 29.0 dan dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif. Hasil kajian mendapati tahap penglibatan komuniti dalam pembangunan CBT di Pulau Tioman berdasarkan kepada Teori Tangga Penglibatan Arnstein (1969) adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu pada tangga ke lapan (8) *Citizen Control* (Kuasa Rakyat) di peringkat penglibatan *Degrees of Citizen Power* (Peringkat Penglibatan Sebenar). Implikasi daripada kajian menunjukkan bahawa elemen pembangunan komuniti penglibatan komuniti memainkan peranan dalam memastikan pembangunan berterusan dan kelestarian konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) ini. Kajian ini dilihat berpotensi dalam menyumbang kepada penambahbaikan dasar pelancongan sedia ada dan pembentukan kepada polisi-polisi pelancongan serta berpotensi menjadi rujukan dalam merangka *Tourism Master Plan* peringkat negeri dan kebangsaan, yang akan datang untuk menyokong perkembangan dan pembangunan pelancongan CBT di Malaysia serta menjamin kelestarian dan kemampuannya dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, penemuan kajian menyokong pelaksanaan agenda nasional seperti Malaysia Madani dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 8 dan SDG 11) dengan menekankan kesejahteraan komuniti, pembangunan ekonomi setempat dan pemuliharaan alam sekitar. Oleh itu, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pengembangan ilmu dalam bidang pelancongan komuniti secara empirikal mengenai tahap penglibatan komuniti terhadap kelestarian pelancongan komuniti.

Kata kunci: Kelestarian, komuniti, pelancongan, pelancongan berasaskan komuniti, penglibatan

Community development through the sustainability of Community Based Tourism on Tioman Island

Abstract

The concept of Community Based Tourism (CBT) is known to contribute to the improvement of the national economy as well as to provide economic, social and environmental benefits to the local community. However, the success of the CBT concept, particularly in terms of development and sustainability, remains a challenge and issue in many countries, including Malaysia. Therefore, this study was conducted with the aim of identifying the level of the level of community involvement in Community Based Tourism (CBT) development, with the scope of this study being on Tioman Island, Pahang. The research design is quantitative, using a survey technique with a questionnaire as the research instrument. A total of 90 respondents were involved in this study using a cluster sampling technique. The collected data were processed using the SPSS 29.0 software and analyzed through descriptive statistical analysis. The findings revealed that the level of community involvement in CBT development on Tioman Island based on Arnstein's Ladder of Citizen Participation Theory (1969), is at a high level, specifically at step eight – Citizen Control, which represents the Degrees of Citizen Power. The implications of the study suggest that the community development elements, specifically community involvement play a crucial role in ensuring the continuous development and sustainability of the CBT. This study is seen as having the potential to contribute to the improvement of existing tourism policies and the formation of tourism policies as well as being a reference in drafting the upcoming Tourism Master Plan at the state and national levels to support the development and growth of CBT tourism in Malaysia and ensure its sustainability and sustainability in the long term. In addition, the findings of the study support the implementation of national agendas such as Malaysia Madani and the Sustainable Development Goals (SDG 8 and SDG 11) by emphasizing community well-being, local economic development and environmental conservation. Therefore, this study makes a significant contribution to the development of knowledge in the field of community tourism empirically on the level of community involvement on the sustainability of community tourism.

Keywords: Sustainability, community, tourism, community based tourism, involvement

Pengenalan

Pada awal abad ke-21, pelancongan telah menjadi industri global. Menurut Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO), hasil pelancongan antarabangsa dijangka melebihi AS \$1 trilion dan bilangan pelancong dijangka mencecah 1.8 billion pada tahun 2030 (Noraini, 2019). Sepertimana negara-negara lain, industri pelancongan merupakan antara sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi negara. Industri pelancongan telah bertindak antara penyumbang yang tertinggi kepada pendapatan negara dan dalam masa yang sama membantu meningkatkan pendapatan kepada mereka yang terlibat dengan industri ini sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung (Nor Hairul, 2018). Menempuhi fasa kedua pasca pandemik COVID-19, pelancongan antarabangsa dijangka pulih hampir 90% daripada tahap sebelum pandemik menjelang akhir tahun 2023.


Menurut data terkini dari UNWTO, kira-kira 975 juta pelancong telah mengembara (antarabangsa) antara Januari hingga September 2023, meningkat sebanyak 38% berbanding bulan yang sama pada tahun 2022 (UNWTO, 2024). Fasa pemulihan sektor pelancongan ini juga dialami oleh Malaysia dengan catatan peningkatan kehadiran pelancong bermula tahun 2022 dan 2023. Menurut laporan Akaun Satelit Pelancongan 2023 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), industri pelancongan negara telah menyumbang sejumlah RM275.8 billion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara. Ini merupakan 15.1% daripada jumlah KDNK 2023 negara. Angka ini menunjukkan peningkatan pada tahun 2023 berbanding 13.9% atau RM250.1 bilion pada tahun 2022, dengan merekodkan pertumbuhan sebanyak 10.3 peratus. Setelah mengalami penurunan dalam tempoh masa 3 tahun (2019–2021), kini industri pelancongan menunjukkan trend peningkatan dari 12.8% kepada 15.1%. KDNK pelancongan langsung pada tahun 2023 telah meningkat kepada RM81.2 bilion daripada RM48 bilion pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2023, guna tenaga dalam industri pelancongan mencatatkan 3.4 juta orang dengan sumbangan sebanyak 21.4 % kepada keseluruhan guna tenaga di Malaysia berbanding 3.2 juta orang (21.3%) pada tahun 2022 (DOSM, 2024). Berdasarkan data statistik daripada UNWTO (2025), Malaysia menduduki tangga ke enam (Ke-6) jumlah guna tenaga dalam industri pelancongan. Statistik daripada UNWTO adalah seperti mana di Rajah 1.

Country	Employees in thousand	Latest data
India	29,683	2020
Japan	5,889	2019
Philippines	4,895	2021
Thailand	4,258	2016
United States	3,887	2020
Malaysia	3,520	2021
United Kingdom	2,743	2016
Indonesia	2,565	2020
Spain	2,368	2021
Brazil	2,192	2019

Sumber: UNWTO, 2025


Rajah 1. Jumlah guna tenaga dalam industri pelancongan

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*), jumlah ketibaan pelancong sepanjang sehingga suku keempat tahun 2024 (Jan–Nov 2024) adalah seramai 34.2 juta peningkatan sebanyak 31.8 % berbanding tahun 2023 (25.9 juta) dengan jumlah perbelanjaan pelancongan (*total receipt*) sehingga suku tahun kedua 2024 (Jan Jun 2024) RM 45.4 juta peningkatan sebanyak 50.8 % berbanding suku tahun kedua tahun 2023 (RM 30.1 juta). Jumlah perbelanjaan perkapita sehingga Jun 2024 pula berjumlah RM3.8 juta meningkat 21.4 % berbanding tahun 2023 dengan jumlah RM3.1 juta. Rajah 1.2 menunjukkan perincian jumlah kedatangan pelancong dari Januari 2024 hingga November 2024 dan Rajah 1.3 menunjukkan jumlah perbelanjaan pelancongan dari Januari 2024 hingga Jun 2024.



Sumber: Tourism Malaysia, 2025

Rajah 2. Jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia Jan 2024 hingga Nov 2024



Sumber: Tourism Malaysia, 2025

Rajah 3. Jumlah perbelanjaan pelancongan di Malaysia dari Jan 2024 hingga Jun 2024

Pembangunan industri pelancongan ini perlu dijaga, dibentuk dan evolusi agar perkembangannya sentiasa sejajar dan dinamik terhadap keperluan semasa. Antara konsep pelancongan yang mendapat sambutan dan perhatian dalam industri pelancongan pada hari ini adalah konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Tourism* (CBT)). Konsep pelancongan CBT ini merangkumi aspek ekonomi, alam sekitar, sosial dan kebudayaan (Nor Hairul, 2018). Konsep pelancongan CBT bermula pada tahun 1980-an apabila Murphy (1988) menerusi kajiannya yang mempunyai kaitan antara pelancongan dan pembangunan komuniti telah menghuraikan bagaimana konsep pelancongan CBT ini boleh digunakan untuk manfaat alam sekitar, komersial dan sosial. Murphy (1985) mencadangkan bahawa keterlibatan komuniti tempatan dalam proses perancangan dan pembangunan pelancongan merupakan faktor penentu bagi kelestarian pembangunan destinasi pelancongan. Bermula dengan kajian tersebut, konsep ini terus diberikan perhatian dan menjadi antara fokus penting dalam kalangan para pengkaji seiring

dengan penerimaan global Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goal* (SDG)) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Moyle et al., 2020; Dangi & Jamal, 2016; Abdul Rashid, 2014). Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) didefinisikan sebagai aktiviti pelancongan yang dimiliki dan dioperasikan oleh komuniti dan diurus atau dikoordinasikan di peringkat komuniti (Retno & Hunik, 2023). Pelancongan berasaskan komuniti (CBT) ialah jenis pelancongan yang menekankan penyertaan aktif dan keterlibatan masyarakat tempatan dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan aktiviti di kawasan mereka sendiri. Penglibatan dan faedah kepada komuniti tempatan sama ada dari sudut ekonomi, sosial dan alam semulajadi juga merupakan teras dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) ini (Noni Lela et al., 2023; Muhammad Asri & Lyndon, 2021; Abdul Rashid, 2014).

Konsep pelancongan CBT ini bertujuan untuk memperkasakan penduduk tempatan, melindungi aset budaya dan mempromosikan pembangunan jangka panjang (Noni Lela et al., 2023; Schott & Nhem, 2018). CBT pada asalnya dicipta sebagai cara untuk mengurangkan kemiskinan terutamanya di kalangan komuniti luar bandar dengan membenarkan ahli-ahlinya terlibat secara kolektif dalam perusahaan pelancongan. Dengan menggunakan sumber-sumber komuniti, ahli-ahli tersebut bersama-sama mencipta pengalaman untuk pelancong yang berkunjung (Azila & Johanna, 2022). Mann (2000) mendefinisikan CBT di dalam buku *The Community Tourism Guide* dengan menyatakan bahawa CBT adalah satu bentuk sokongan atau budaya saling membantu, saling menyokong antara satu sama lain, unit sosial sebagai satu ahli masyarakat dalam sesuatu komuniti atau kelompok. Menurut Asker et al. (2010) CBT menggalakkan komuniti setempat bekerjasama atau penglibatan daripada dua belah pihak (pelancong dan komuniti) dalam sesebuah projek pelancongan yang disusun oleh komuniti itu sendiri. CBT secara lebih meluas merangkumi semua jenis pelancongan yang melibatkan komuniti dan faedah yang mereka dapati. Tiga prinsip asas disebutkan dalam perancangan konsep pelancongan CBT adalah 1) Melibatkan ahli komuniti dalam membuat keputusan, 2) Faedah kepada komuniti tempatan dari aktiviti pelancongan dan 3) Pendidikan pelancongan untuk komuniti tempatan (Muhammad Asri & Lyndon, 2021; Amerta, 2017; Mann, 2000). Ciri-ciri yang jelas dalam konsep pelancongan CBT ini merangkumi pemilikan tempatan terhadap projek pembangunan pelancongan, penyertaan aktif dan bermakna oleh komuniti tempatan dalam semua peringkat membuat keputusan, mekanisme perkongsian manfaat yang telus antara ahli komuniti dan interaksi bermakna antara tuan rumah dan tetamu (Schott & Nhem, 2018).

Permasalahan kajian

Konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) telah diperkenalkan selama lebih dari tiga dekad sebagai satu cara pembangunan di mana keperluan sosial, alam sekitar dan ekonomi komuniti tempatan dapat dipenuhi melalui penawaran produk pelancongan. Sebagai strategi pembangunan pelancongan berasaskan komuniti, konsep pelancongan CBT ini telah berusaha untuk memelihara sumber semula jadi, nilai-nilai tradisional dan budaya, serta menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi dengan memperkasakan komuniti tempatan dalam memulakan, mengurus, dan mengendalikan usaha pembangunan pelancongan tempatan. CBT telah dianggap sebagai kaedah yang berkesan untuk mengatasi kesan negatif daripada pelancongan arus perdana. Walau bagaimanapun, manfaat daripada inisiatif CBT ini jarang dicapai dalam amalan (Thi & Cruetz, 2022; Pham Hong et al., 2021; Gaitho, 2014). Hanya beberapa projek CBT yang dapat mengekalkan kelestarian mereka dalam jangka panjang, dan banyak projek CBT yang

telah gagal selepas tempoh pembiayaan (Abdul Rashid, 2014). Walaupun banyak projek pelancongan di bawah konsep CBT ini telah dibiayai di negara membangun, namun kejayaan pelaksanaannya tidak pernah dipantau dengan meluas. Oleh itu, kelestarian dan manfaat sebenar konsep ini kepada komuniti tempatan masih kekal tidak diukur dengan jelas (Harold Goodwin & Rosa Santilli, 2009). Secara teorinya, memang diakui CBT ini memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti terutamanya di kawasan luar bandar, namun begitu berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan kebanyakan projek pelancongan komuniti sama ada yang diinisiatifkan oleh NGO atau pihak kerajaan tidak berdaya saing dan mempunyai tempoh jangka hayat yang pendek (Abdul Rashid, 2014).

Kebanyakan kajian lepas juga menunjukkan kepuasan daripada komuniti tempatan yang rendah terhadap aktiviti pelancongan CBT. Keadaan ini telah mencipta konflik dan menekan kerjasama yang dinamik antara komuniti setempat dan pihak berkepentingan (Hendri et al., 2023; Curcija et al., 2019; Muhyi et al., 2017). Permasalahan ini juga lebih relevan di negara-negara membangun di mana cabaran yang sering dihadapi adalah keseragaman atau kebersamaan di dalam komuniti tempatan dan keperluan untuk menyamakan persepsi mereka dalam melihat pelancongan sebagai cara untuk memperbaiki kehidupan komuniti tempatan (Sutresna et al., 2019). Komuniti tempatan juga memerlukan lebih banyak kesedaran tentang impak pelancongan kepada komuniti, menyebabkan motivasi mereka untuk menyertai dalam pembangunan pelancongan dalam komuniti mereka secara aktif sangat terhad (Diana & Setiawan, 2021). Selain itu, kerana kebanyakan keputusan dibuat oleh kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan atau kerajaan tempatan, komuniti tidak mempunyai suara dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan pelancongan, seterusnya mencipta ketegangan antara pihak-pihak yang terlibat (Ullah & Kim, 2020). Hal ini menyebabkan ketidakpuasan dalam komuniti dan menyebabkan kekurangan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan atau kerajaan tempatan dan komuniti tempatan (Nurhasanah & Persada, 2018).

Kajian menunjukkan kegagalan atau kejayaan CBT juga bergantung kepada beberapa faktor utama termasuk penyertaan dan pemilikan pemegang kepentingan secara menyeluruh fasilitator (Asli et al., 2014; Asker et al., 2010; Goodwin & Santilli, 2009; Salazar, 2012), pendidikan dan pembangunan kapasiti komuniti tempatan (Asli et al., 2014; Dixey, 2005; Goodwin & Santilli, 2009), keadilan dalam pengagihan kos dan manfaat (Asli et al., 2014; Harrison & Schipani, 2007; Hiwasaki, 2006; Kibicho, 2008), perkongsian awam dan swasta dengan pendekatan perniagaan (Asli et al., 2014; Salazar, 2012), penyelidikan dan perancangan yang meluas (Asli et al., 2014; Tasci et al., 2013) serta organisasi kerajaan sebagai fasilitator (Asli et al., 2014; Zapata et al., 2011). Faktor berkaitan komuniti juga merupakan sebahagian besar daripada faktor kegagalan yang biasa disenaraikan dalam banyak kajian yang menyiasat kes-kes CBT dari seluruh dunia, antaranya sifat heterogen pihak berkepentingan komuniti (Asli et al., 2014; Goodwin & Santilli, 2009; Salazar, 2012; Sebele, 2010) hubungan kuasa yang menghalang (Asli et al., 2014; Hatton, 1999) aliran maklumat yang tidak sempurna dan ketelusan dalam kalangan penduduk setempat, (Asli et al., 2014; Stone & Stone, 2011; Zapata et al., 2011; Jones, 2005) kekurangan kepercayaan dan keadilan komuniti (Asli et al., 2014; ; Zapata et al., 2011; Kayat, 2008) kekurangan modal manusia dan sosial (Asli et al., 2014; Lapeyre, 2010; Kayat, 2008), had budaya seperti norma tentang jantina dan belia serta persepsi stereotaip tentang budaya mereka sendiri dan budaya orang lain (Asli et al., 2014; Sebele, 2010; Stone & Stone, 2011; Zapata et al., 2011).

Dalam konteks Malaysia, konsep pelancongan CBT ini didasarkan kepada Program Pengalaman *Homestay* Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC).

Program *Homestay* di Malaysia telah menjadi suatu alat pembangunan komuniti luar bandar yang merupakan salah satu agenda pembangunan negara (Kunjuraman, 2019). Data dan statistik konsep pelancongan CBT ini juga sebahagiannya diukur berdasarkan kepada pencapaian dan pelaksanaan program *Homestay* ini. Walaupun Program Pengalaman *Homestay* Malaysia ini telah dua puluh lapan (28) tahun dilaksanakan dan menjadi program pelancongan berasaskan komuniti utama di bawah MOTAC, namun perkembangan dan kejayaan program ini masih di tahap sederhana dan berada pada kedudukan yang malar. Prestasi *Homestay* di negara ini sejak ia diperkenalkan pada awal 1980an juga menunjukkan ketidaktentuan yang semakin ketara (Muhammad Nazri et al., 2018). Lebih 50 peratus daripada jumlah program inap desa yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) mengalami penurunan kadar kedatangan pelancong yang kerap sekitar tahun 2011 hingga 2019 (Suhaida et al., 2023). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh MOTAC pada tahun 2024, prestasi program *Homestay* ini adalah kurang memberangsangkan antaranya seperti bilangan pengusaha *Homestay* yang semakin menurun (2018:4070 pengusaha, 2024:3323 pengusaha), bilangan kluster *Homestay* seluruh Malaysia yang tidak menunjukkan peningkatan yang tinggi setelah 28 tahun pelaksanaan (2018:212 kluster, 2024:223 kluster), malahan di sesetengah negeri mencatatkan penurunan bilangan kluster *Homestay* (Perlis 2018:4, 2024:3), (Negeri Sembilan 2018:13, 2024: 9) dan (Terengganu 2018:10; 2024:7) serta jumlah penerimaan kedatangan pelancong antarabangsa yang juga tidak menunjukkan peningkatan yang tinggi (2012:65,835 orang, 2023: 69,806 orang). Perkara ini telah memberi persoalan kepada kejayaan dan perkembangan program ini sebagai salah sebuah program yang mendasari konsep pelancongan CBT di Malaysia (MOTAC, 2025).

Namun begitu, perkara utama dalam konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) ini ditentukan oleh tahap penglibatan komuniti. Jika tahap penglibatan komuniti tinggi, kejayaan pembangunan pelancongan CBT ini akan lebih besar, tetapi jika tahap penglibatan komuniti dalam aktiviti pembangunan pelancongan CBT ini rendah, maka kejayaan juga akan rendah (Retno & Hunik, 2023). Kejayaan kepada pembangunan pelancongan CBT inilah yang akan mempengaruhi kelestarian konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) ini. Teras kepada konsep pelancongan CBT ini juga adalah komuniti. CBT menekankan pembangunan kapasiti komuniti untuk memberikan komuniti tempatan manfaat ekonomi dan keadilan/demokrasi penyertaan, pemeraksaan, serta rasa pemilikan kepada komuniti. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh bilangan anggota komuniti yang ramai, kepentingan yang pelbagai, dan ketidakseimbangan kuasa yang tipikal dalam sektor ini, keberkesanan pelancongan berasaskan komuniti juga telah dipersoalkan secara meluas. Kekurangan penyertaan, sekatan terhadap kawalan tempatan kepada industri pelancongan dan cabaran dalam pelaksanaan oleh individu dan komuniti telah membawa kepada hasil yang tidak lestari dalam banyak inisiatif CBT ini. Kapasiti komuniti untuk terlibat dalam membuat keputusan tidak boleh dijamin hanya berdasarkan hak formal untuk berbuat demikian (Jamal & Getz, 1995), tetapi komuniti memerlukan sumber dan kemahiran untuk mengambil bahagian.

Kajian terdahulu melihat Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) sebagai konsep untuk pembangunan pelancongan yang lestari, tetapi aspek yang belum di kaji ialah elemen-elemen pembangunan komuniti meliputi penglibatan komuniti, pembangunan kapasiti komuniti dan modal sosial dalam pembangunan CBT serta hubungannya dengan kelestarian CBT ini (Kunjuraman, 2022; Syafiqah Syuhada et al., 2021; Abdul Rashid, 2014; Kayat et al., 2006). Kajian mengenai CBT secara umum juga telah dilakukan dengan meluas oleh ramai penyelidik dalam bidang pelancongan sama ada di dalam ataupun di luar negara. Walaupun terdapat banyak penyelidikan tentang CBT di Malaysia, namun kebanyakan kajian tersebut memfokuskan kepada

elemen-elemen pembangunan komuniti ini secara individu bukan secara kolektif. Terdapat segelintir kajian menyentuh tentang pengupayaan komuniti dalam kelestarian pembangunan pelancongan (Abdul Rashid, 2014), peranan modal sosial dalam CBT (Kunjuraman, 2022), dan penglibatan komuniti dalam konteks Homestay (Syafiqah Syuhada et al., 2021; Kayat et al., 2006). Selebihnya kajian CBT di Malaysia merangkumi pelbagai ruang lingkup meliputi ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan di atas, kajian berbentuk kuantitatif ini dijalankan bagi membolehkan penerokaan dan pemahaman secara mendalam tentang tahap penglibatan komuniti dapat mempengaruhi pembangunan pelancongan berasaskan komuniti (CBT) di Pulau Tioman. Kajian tahap penglibatan komuniti dalam pembangunan CBT di Pulau Tioman khususnya, masih kurang dilaksanakan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi memenuhi jurang kajian yang wujud sekaligus bakal menyumbang kepada pengayaan ilmu sains sosial dalam bidang pelancongan.

Sorotan literatur

Komuniti dan pelancongan

Pelancongan mewakili sumbangan sosial kepada masyarakat/komuniti yang telah ditunjukkan dalam pelbagai bentuk di seluruh rantau dunia (Abreu et al., 2024). Aktiviti pelancongan dalam satu kawasan atau petempatan khususnya kawasan luar bandar merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan untuk membantu pembangunan komuniti di sekitar kawasan setempat dalam destinasi pelancongan tersebut. Kewujudan aktiviti pelancongan dalam kawasan komuniti ini dilihat lebih banyak memberi impak kepada komuniti setempat samada dari aspek ekonomi, sosial dan budaya (Jessica & Rosazman, 2022). Komuniti merupakan ‘alasan asas’ kepada pelancong untuk melancong, di mana untuk mendapatkan pengalaman cara hidup dan produk material daripada komuniti yang berlainan di pelbagai destinasi pelancongan (Richard & Hall, 2002). Komuniti juga merupakan sumber kepada pelancong. Perancangan mengenai pembangunan pelancongan harus memberi perhatian terhadap isu dan permasalahan yang dihadapi komuniti untuk mengelakkan pembangunan sekadar menjadi simbol perubahan yang hakikatnya tidak memberikan apa-apa makna kepada komuniti tempatan. Malahan, terdapat kesan perubahan sosial yang negatif dan akhirnya membuatkan komuniti menjadi mundur semula (Norhamimah, 2011).

Dalam aspek komuniti dan pelancongan ini, kesanggupan komuniti untuk melibatkan diri serta hasrat dan kemahuan komuniti berkenaan pelancongan adalah perlu dikenalpasti. Rosli (2007) telah mengenalpasti persepsi dan minat komuniti tempatan terhadap pembangunan pelancongan dengan meliputi aspek kebanggaan terhadap petempatan sebagai kawasan pelancongan, minat dalam sektor pelancongan, kesanggupan terlibat dalam sektor pelancongan serta hasrat dan kemahuan terhadap pembangunan pelancongan dalam kawasan komuniti. Kalsom Kayat dan Noorashikin (2001) pula melihat perhubungan antara pelancongan dan komuniti ini melalui persepsi komuniti terhadap potensi kawasan petempatan mereka sebagai destinasi pelancongan melalui pengetahuan sumber warisan dan tarikan persekitaran semasa. Yahaya (2008) dalam kajiannya mengenai pembangunan pelancongan dan komuniti pula menambah aspek persepsi komuniti tempatan terhadap aktiviti pelancongan yang dijalankan di petempatan komuniti asal tersebut. Ia bertujuan untuk melihat sejauh mana komuniti bersetuju dengan aktiviti

pelancongan tersebut seterusnya mengenalpasti tahap sokongan dan penglibatan mereka dalam pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi pelancongan (Norhamimah, 2011).

Sektor pelancongan merupakan sektor yang terdiri daripada gabungan banyak sektor yang saling berkaitan. Sektor ini juga telah menyumbang kepada pembangunan dalam skop yang lebih luas dan menyeluruh dan secara signifikan kepada penjanaan peluang pekerjaan dan pendapatan khususnya kepada komuniti setempat. Dengan mempertimbangkan pelancongan sebagai satu sistem yang kompleks, secara konsepnya adalah perlu untuk mengintegrasikan pembangunan pelancongan ke dalam pembangunan komuniti secara holistik untuk pengurangan kemiskinan dalam komuniti khususnya di kawasan luar bandar. Industri pelancongan mempunyai hubungan yang kuat dengan banyak sektor lain dalam ekonomi nasional. Industri ini juga tersebar secara geografi. Aspek-aspek di dalam pelancongan ini (seperti perjalanan, penginapan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan) menjadi alat (*tools*) yang berguna untuk pembangunan ekonomi yang lebih luas, terutamanya bagi ekonomi luar bandar dan di kawasan komuniti yang berpendapatan rendah. Perniagaan berasaskan pelancongan dapat mencipta peluang pekerjaan, meningkatkan ekonomi tempatan, menjana pendapatan alternatif ke dalam komuniti di destinasi pelancongan di samping mempelbagaikan asas industri tempatan (Hebby, 2018).

Konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)

UN World Tourism Organisation (UNWTO) merujuk Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) sebagai alternatif yang menjanjikan kepada pendekatan konvensional terhadap pembangunan, satu proses yang bersifat penyertaan, holistik, dan inklusif yang boleh membawa kepada perubahan positif dan konkrit dalam komuniti dengan mewujudkan peluang pekerjaan, mengurangkan kemiskinan, memulihkan kesejahteraan alam sekitar, menstabilkan ekonomi tempatan, dan meningkatkan kawalan komuniti (Hebby, 2018). Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) merujuk kepada satu bentuk pelancongan yang dijalankan dan dikawal oleh komuniti tempatan. Ia bertujuan untuk memberikan manfaat ekonomi, sosial, dan budaya kepada komuniti tersebut sambil memelihara alam sekitar dan warisan budaya. CBT merupakan salah satu cabang pelancongan yang dikendalikan, diselaraskan dan diuruskan sepenuhnya oleh komuniti destinasi atau setempat (Kunjuraman, 2023). Goodwin dan Santilli (2009) mencatatkan dua kriteria penting dalam konsep akademik CBT, iaitu (i) pemilikan/pengurusan komuniti dan (ii) Manfaat komuniti.

Konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) pertama kali diperkenalkan pada tahun 1970-an dan mendapat populariti pada akhir tahun 1990-an sebagai alternatif kepada pelancongan massa, sebagai alat pengurangan kemiskinan, dan sebagai alat pembangunan komuniti (Habibah & Farhana, 2023). CBT adalah jenis pelancongan yang unik yang berbeza daripada pelancongan massa dengan mengintegrasikan konsep umum pembangunan lestari. Konsep CBT bergantung kepada produk unik yang tersedia di kawasan tersebut dan komuniti tempatan mesti menyokong keseluruhan pembangunan pelancongan. Antara prinsip dalam konsep CBT adalah, (i) CBT menekankan pemberian kawalan kepada komuniti tempatan yang mendapat kesan ekonomi secara langsung, (ii) Komuniti tempatan mesti terlibat dalam proses perancangan dan pengurusan untuk turut serta dalam membuat keputusan, (iii) Manfaat mesti diagihkan secara adil dan saksama kepada komuniti tuan rumah/setempat (*host*) dan tetamu/pelancong yang berinteraksi secara langsung, (iv) CBT menekankan penglibatan dan kawalan tempatan terhadap pembangunan pelancongan, dari menguruskan, melaksanakan, dan menilai sehingga mengagihkan manfaat serta bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan (Hendri et al., 2023). Kesimpulannya,

CBT bertujuan untuk membangunkan komuniti dengan mengintegrasikan ciri-ciri ekonomi, budaya, sosial, alam sekitar, dan politik.

Model penglibatan komuniti

Dalam kajian ini, tahap penglibatan komuniti dikaji dari tiga (3) peringkat pembangunan pelancongan CBT merangkumi peringkat; (1) Perancangan (*planning*), (2) Pengurusan (*managing*) dan (3) Pemantauan dan Kawalan (*monitoring & control*). Peringkat pembangunan pelancongan CBT beserta dimensi penglibatan dalam setiap peringkat (Putra et al., 2019) tersebut dirumuskan di Jadual 1 berikut:


Jadual 1. Peringkat dan dimensi penglibatan komuniti dalam pembangunan CBT

Peringkat	Dimensi penglibatan komuniti
Perancangan (<i>Planning</i>)	i. Tahap penglibatan komuniti dalam proses perancangan dan pembangunan CBT di Pulau Tioman ii. Melibatkan semua pihak berkepentingan dan komuniti dalam proses perancangan dan pembangunan CBT di Pulau Tioman
Pengurusan (<i>Managing</i>)	i. Meningkatkan kerjasama dengan memberikan tanggungjawab dan kuasa yang lebih besar kepada komuniti dalam pengurusan CBT di Pulau Tioman
Pemantauan & Kawalan (<i>Monitoring & Control</i>)	i. Memberikan tanggungjawab yang lebih besar kepada komuniti untuk memantau dan mengawal aktiviti pelancongan CBT di Pulau Tioman ii. Meningkatkan kesedaran awam untuk terlibat dalam pemantauan aktiviti pelancongan CBT di Pulau Tioman

Sumber: Putra et al., 2019

Pengukuran kepada tahap penglibatan komuniti dalam setiap dimensi pembangunan pelancongan CBT ini adalah mengadaptasi Teori Tangga Penglibatan Arnstein (1969) *Eight Rungs of Citizen Participation* (1969). Dalam Teori Tangga Penglibatan Arnstein (1969) terdapat lapan tangga penglibatan yang membezakan tiga (3) peringkat penglibatan komuniti, bermula daripada peringkat tiada penglibatan (*non participation*), penglibatan simbolik (*degrees of tokenisme*) sehingga kepada penglibatan sebenar (*degrees of citizen power*) iaitu melibatkan kuasa komuniti yang lengkap (Noni Lela et al., 2023; Aufa Shahrizal, 2023; Suzannah et al., 2015). Hierarki dari tipologi penglibatan menurut Teori Tangga Penglibatan Sherry Arnstein (1969) ini menggambarkan bagaimana peranan komuniti dalam sesebuah proses pembangunan mengikut tiga (3) peringkat penglibatan; (1) Peringkat pertama ialah Tiada Penglibatan (*Non Participation*). Pada peringkat ini komuniti semata-mata dijadikan objek dan tidak memiliki usaha untuk memberikan sebarang idea. Peringkat ini tidak termasuk dalam konteks penglibatan yang sebenar kerana komuniti yang mengikuti sesuatu program bukan berdasarkan dorongan mental, psikologi atau perkara-perkara yang memberi sumbangan kepada program tersebut. Sebaliknya mereka hanya menjadi objek dalam program tersebut. (2) Peringkat kedua adalah Penglibatan Simbolik (*Degrees of Tokenism*): Pada peringkat ini penglibatan komuniti hanya semata-mata formaliti yang membolehkan komuniti mendengar dan mempunyai hak untuk memberikan suara, tetapi pendapat mereka belum menjadi bahan dalam membuat keputusan. Penglibatan komuniti yang sebenarnya

bermula di peringkat ini di mana, komuniti diberi peluang untuk bersuara dan peluang mendengar. Bagaimanapun suara mereka hanya bertujuan untuk memenuhi syarat dan prosedur. Mereka tidak mempunyai kuasa membuat keputusan. (3) Peringkat ketiga adalah Penglibatan Sebenar (*Degrees of citizen power*): Pada peringkat ini sudah terjadi pembahagian hak, tanggung jawab dan kuasa antara komuniti dengan kerajaan dalam membuat keputusan. (Aufa Shahrizal, 2023; Noni Lela et al., 2023; Suzannah et al., 2015).



Sumber: Arnstein, 1969

Rajah 4. Teori tangga penglibatan Arnstein

Rajah 4 menunjukkan peringkat penglibatan mengikut Teori penglibatan Arnstein's *Eight Rungs of Citizen Participation* (1969). Peringkat Tiada Penglibatan (*Non participation*) merupakan tahap terendah yang terdiri daripada 2 tahap (tangga) penglibatan iaitu manipulasi (*manipulation*) dan terapi (*therapy*). Peringkat Penglibatan Simbolik (*Degrees of tokenism*) melibatkan tangga 3 hingga tangga 5 iaitu tahap makluman (*informing*), perundingan (*consultation*) dan menenangkan/pujukan (*placation*). Peringkat penglibatan terakhir adalah peringkat Penglibatan Sebenar (*Degrees of citizen power*) yang terdiri daripada tangga 6 hingga tangga 8 meliputi tahap perkongsian (*partnership*), kuasa perwakilan (*delegated power*) dan kuasa rakyat (*citizen control*). Arnstein menyatakan bahawa tanpa penyebaran kuasa, penglibatan komuniti merupakan perkara yang kosong (*empty ritual*). Komuniti seharusnya mempunyai hubungan atau berhubung pada aktiviti di peringkat tertinggi dalam tangga penglibatan dan bukan hanya tertumpu pada aktiviti di peringkat bawah. Tangga penglibatan ini merupakan garis panduan yang efektif kepada komuniti untuk memilih dan memutuskan sama ada mahu menerima peranan yang disarankan oleh pihak berkuasa yang mengawal atau memilih alternatif lain dalam sesebuah perancangan dan pembangunan pelancongan (Suzannah et al., 2015).

Metodologi kajian

Kajian kuantitatif ini melibatkan 90 orang responden dari kluster/kelompok yang dikenal pasti daripada tiga (3) kumpulan komuniti pelancongan tempatan iaitu dari (i) Persatuan Pelancongan Tekek, (ii) Kelab Belia Mukut Selatan dan (iii) Kelab Gunung Tioman di Pulau Tioman.

Kelompok populasi bagi kajian ini diskopkan kepada kelompok komuniti pelancongan tempatan yang terlibat secara langsung dan aktif dalam aktiviti pelancongan dan pembangunan pelancongan khususnya Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) di Pulau Tioman. Semasa borang soal selidik diedarkan, responden diberikan penerangan mengenai matlamat kajian dan isi kandungan borang soal selidik bermula daripada Bahagian A sehingga ke Bahagian F secara terperinci sebelum mereka menjawab soalan-soalan di dalam borang soal selidik tersebut (Nur 'Adilah, 2021). Perincian bilangan kluster/kelompok populasi daripada tiga (3) kumpulan komuniti pelancongan tempatan ini adalah seperti mana di Jadual 2.

Jadual 2. Bilangan populasi kluster/kelompok komuniti pelancongan tempatan

Bil	Kumpulan komuniti pelancongan tempatan	Lokasi	Bil. keseluruhan ahli
1	Kelab Gunung Tioman	Kg Tekek & Kg Mukut	30
2	Kelab Belia Mukut Selatan	Kg Mukut	30
3	Persatuan Pelancongan Tekek	Kg Tekek	30
Jumlah populasi			90

Sumber: Kajian lapangan, 2024

Kajian rintis pula dijalankan dengan menggunakan sampel yang kecil antara 30 hingga 60 orang sampel (Fauziah et al., 2023). Sejumlah 30 responden digunakan dalam kajian rintis sudah mencukupi dalam menganalisis kebolehpercayaan dan kesahan. Sampel kajian rintis diambil adalah berdasarkan kepada latar belakang responden kajian sebenar serta kaedah yang sama dengan kajian sebenar dalam meningkatkan kesahan instrumen kajian (Amir Rizal, 2024; Chua, 2021). Dalam kajian ini, kajian rintis dijalankan kepada 30 responden yang dipilih secara rawak sepertimana di Jadual 3.21 menggunakan borang soal selidik berstruktur dan dilaksanakan secara kaedah temuramah secara bersemuka (*face-to-face interview*). Responden adalah daripada komuniti pelancongan tempatan di dua (2) lokasi pelancongan CBT iaitu komuniti pelancongan Kampung Sungai Melayu dan komuniti pelancongan Mersing.

Jadual 3. Bilangan responden kajian rintis

Komuniti	Bil responden
Komuniti pelancongan Kampung Sungai Melayu Johor bahru	15
Komuniti pelancongan Mersing	15
Jumlah	30

Sumber: Kajian lapangan, 2024

Dalam kajian ini, Ujian *Cronbach Alpha* (analisis kebolehpercayaan) digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan beberapa soalan. Proses analisis kepercayaan memerlukan sekurang-kurangnya tiga (3) soalan digabungkan (pengiraan statistik). Berdasarkan '*rules of thumb*' $\alpha : > 0.9$ = cemerlang, $\alpha : > 0.8$ = baik, $\alpha : > 0.7$ = diterima, $\alpha : > 0.6$ = dipersoalkan, $\alpha : > 0.5$ = lemah dan $\alpha : < 0.5$ = tidak diterima (Nur 'Adilah, 2021). Justeru, kajian ini menjalankan analisis kebolehpercayaan melalui kajian rintis terhadap 30 responden soal selidik yang dipilih secara rawak daripada komuniti pelancongan. Hasil analisis menggunakan perisian SPSS, nilai Cronbach Alpha yang diperolehi daripada kajian rintis ini adalah seperti di Jadual 4 dan difahami

bahawa nilai Cronbach Alpha bagi kajian ini adalah baik dan kebolehpercayaan set soal selidik kajian ini adalah pada tahap yang tinggi (Amir Rizal, 2024; Nur ‘Adilah, 2021)

Jadual 4. Jadual *Cronbach Alpha Reliability Statistic* (SPSS)

Instrumen	Bilangan item	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>
Tahap penglibatan komuniti	24	0.855
Tahap pembangunan kapasiti komuniti	18	0.859
Tahap modal sosial	23	0.856
Tahap kelestarian pelancongan berasaskan komuniti	5	0.877

Sumber: Kajian lapangan, 2024

Dalam kajian ini, skala likert 5 mata digunakan sebagai pilihan skala maklumbalas daripada responden terhadap soalan-soalan di dalam borang soal selidik. Dapatan data daripada soal selidik ini ditentukan daripada nilai skor purata (min) berpanduan kepada skala Likert 5 mata tersebut. Analisis terhadap skala jawapan responden dibentuk berdasarkan kepada nilai skor min. Nilai skor min yang diperoleh daripada setiap soalan dalam kajian ini menentukan tahap penglibatan tersebut berdasarkan julat min (Nur Hawa & Ghazali, 2018). Interpretasi skor min dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada skala yang digunakan oleh Rashidi (2018) dengan membahagikan skor purata (min) kepada tiga (3) tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Jadual 5 merumuskan interpretasi skor purata (min) yang digunakan dalam instrumen kajian ini.

Jadual 5. Interpretasi skor purata (min)

Skor purata (Min)	Tahap/Interpretasi
1.00 – 2.40	Rendah
2.41 – 3.80	Sederhana
3.81 – 5.00	Tinggi

Sumber: Rashidi, 2018; Diadaptasi dari Wiersma, 1995

Dapatan kajian dan perbincangan

Latar belakang responden

Secara keseluruhan, seramai 90 responden daripada tiga (3) kumpulan komuniti dari (i) Persatuan Pelancongan Tekek, (ii) Kelab Belia Mukut Selatan dan (iii) Kelab Gunung Tioman dari Kampung Tekek dan Kampung Mukut di Pulau Tioman terlibat dalam menjayakan kajian ini. Responden kajian ini ditumpukan kepada komuniti pelancongan tempatan yang terlibat secara langsung dan aktif dalam aktiviti pelancongan dan pembangunan pelancongan khususnya Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) di Pulau Tioman. Majoriti responden terdiri daripada lelaki seramai 56 orang (62.2%) orang responden berbanding dengan responden perempuan seramai 34 orang (37.8%) orang responden. Majoriti juga berusia 40 hingga 54 tahun (24.4%), 62.2% responden telah berkahwin, dan majoriti responden mempunyai latar belakang pendidikan sekolah menengah (45.6%). Analisis hasil kajian bagi status kependudukan dan tempoh kependudukan responden di

Pulau Tioman menunjukkan 80% daripada responden merupakan penduduk asal manakala 20% daripada responden bukan penduduk asal Pulau Tioman. Majoriti tempoh kependudukan responden adalah lebih daripada 30 tahun (62.2%), diikuti dengan 26 hingga 30 tahun (12.2%), 1 hingga 5 tahun (8.9%), 21 hingga 25 tahun (6.7%), 6 hingga 10 tahun (3.3%) dan seterusnya yang terakhir tempoh kependudukan 16 hingga 20 tahun, 11 hingga 15 tahun dan kurang daripada setahun mencatatkan peratusan yang sama iaitu 2.2%.

Penglibatan komuniti dalam pelancongan

Terdapat tiga (3) item yang dianalisis dalam bahagian B ini meliputi (B1) maklumat keterlibatan dalam aktiviti pelancongan di dalam komuniti, (B2) maklumat bentuk penglibatan dalam aktiviti pelancongan dan (B3) maklumat penglibatan dalam jenis aktiviti pelancongan. Hasil analisis di bahagian ini diterangkan dalam bentuk jadual berdasarkan kepada bilangan dan peratusan responden. Maklumat penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan di Pulau Tioman dipaparkan pada Jadual 6.

Jadual 6. Maklumat penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan di Pulau Tioman

	Bilangan	Peratusan (%)
Maklumat keterlibatan dalam aktiviti pelancongan di dalam komuniti		
<i>*Adakah anda terlibat dalam sebarang aktiviti pelancongan dalam komuniti</i>		
Ya	90	100
Tidak		
Maklumat bentuk penglibatan dalam aktiviti pelancongan		
<i>*Apakah bentuk penglibatan dalam aktiviti pelancongan</i>		
Pemilik perniagaan/perusahaan sektor pelancongan	50	55.6
Pekerja sektor pelancongan	51	56.7
Ahli persatuan/kelab pelancongan	90	100
Ahli NGO pelancongan	5	5.56
Lain – Lain	25	27.8
Tidak Terlibat		
Maklumat penglibatan dalam jenis aktiviti pelancongan		
<i>*Apakah bentuk penglibatan dalam aktiviti pelancongan</i>		
Penginapan	26	28.9
Pemanduan Pelancong	41	45.6
Penyediaan makanan/restoran	25	27.8
Penghasilan produk kraf/cenderamata	2	2.2
Penyediaan acara/program/aktiviti pelancongan	48	53.3
Aktiviti kelab/persatuan/NGO berkaitan pelancongan	90	100
Penyediaan perkhidmatan pelancongan yang lain	41	45.6
Lain – Lain	18	20
Tidak terlibat		

Sumber: Kajian lapangan, 2024

Hasil dapatan kajian daripada item (B1) keterlibatan dalam aktiviti pelancongan di dalam komuniti menunjukkan kesemua 90 orang (100%) responden terlibat dalam aktiviti pelancongan di dalam komuniti. Analisis daripada item (B2) menjelaskan bentuk penglibatan daripada responden dalam aktiviti pelancongan di dalam komuniti. Soalan bagi item (B2) membenarkan responden untuk memilih lebih daripada satu jawapan dan dapatan kajian menunjukkan responden terlibat dengan lebih daripada satu bentuk penglibatan dalam aktiviti pelancongan dalam komuniti. 100% responden terlibat sebagai ahli persatuan/kelab pelancongan, 56.7% daripada responden merupakan pekerja sektor pelancongan, 55.6% daripada responden merupakan pemilik perniagaan/perusahaan sektor pelancongan, 27.8% responden terlibat dengan lain-lain aktiviti pelancongan dalam komuniti dan yang terakhir 5% responden terlibat sebagai ahli NGO pelancongan di dalam komuniti.

Tahap penglibatan komuniti

Terdapat dua puluh empat (24) item untuk mengenal pasti tahap penglibatan komuniti dengan pengukuran tahap penglibatan ini dibahagikan kepada tiga (3) peringkat iaitu i) Peringkat Perancangan, (ii) Peringkat Pengurusan dan (iii) Peringkat Pemantauan dan Kawalan. Peringkat Perancangan meliputi lapan (8) item pada sub bahagian (C1), Peringkat Pengurusan meliputi lapan (8) item pada sub bahagian (C2), dan Peringkat Pemantauan dan Kawalan meliputi lapan (8) item pada sub bahagian (C3). Analisis kepada tahap penglibatan komuniti ini menggunakan analisis deskriptif dengan dapatan analisis dikategorikan berdasarkan kepada tahap penglibatan peringkat perancangan dan lapan (8) tangga penglibatan sepertimana Teori Penglibatan Arnstein *Eight Rugs of Citizen Participation* (1969) (Putra et al., 2019; Mohd Azhar & Kadir, 2020). Analisis adalah berdasarkan kepada interpretasi skor purata (min) sepertimana yang dibincangkan dalam Jadual 5 (bahagian metodologi).

Tahap penglibatan komuniti peringkat perancangan

Jadual 7 menunjukkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi tahap penglibatan komuniti pada peringkat perancangan (*planning*) (C1).

Jadual 7. Kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi tahap penglibatan komuniti di peringkat perancangan (*Planning*) (C1) dalam pembangunan pelancongan CBT di Pulau Tioman

C1: Perancangan (Planning)

Bil	Kenyataan	STS	TS	N	S	SS	Min	SP
C1.1	Komuniti tidak mempunyai kuasa untuk mengemukakan cadangan pembangunan pelancongan CBT di Pulau Tioman	76 (84.4)	5 (5.6)	3 (3.3)	3 (3.3)	3 (3.3)	1.36	0.952
C1.2	Terdapat peluang untuk komuniti mengemukakan cadangan dalam merancang pembangunan pelancongan CBT, tetapi tidak ada kesediaan dari pihak komuniti untuk mengemukakan cadangan	69 (76.7)	7 (7.8)	4 (4.4)	6 (6.7)	4 (4.4)	1.54	1.133

C1.3	Terdapat cadangan daripada komuniti dalam merancang pembangunan pelancongan CBT, tetapi hanya secara sederhana	69 (76.7)	5 (5.6)	7 (7.8)	4 (4.4)	5 (5.6)	1.57	1.162
C1.4	Komuniti boleh mengemukakan cadangan dalam merancang pembangunan pelancongan CBT, tetapi tidak ada jaminan bahawa idea tersebut akan direalisasikan dalam program yang akan dilaksanakan	41 (45.6)	8 (8.9)	28 (31.1)	9 (10.0)	4 (4.4)	2.19	1.244
C1.5	Komuniti boleh mengemukakan cadangan dalam merancang pembangunan pelancongan CBT, tetapi mempunyai peluang yang sangat sedikit untuk mempengaruhi program yang akan dilaksanakan	7 (7.8)	24 (26.7)	11 (12.2)	42 (46.7)	6 (6.7)	3.18	1.137
C1.6	Cadangan komuniti yang dipertimbangkan dalam rancangan pembangunan pelancongan CBT di kawasan Pulau Tioman diselaraskan dengan program Kerajaan Tempatan dan boleh dilaksanakan	1 (1.1)	2 (2.2)	10 (11.1)	46 (51.1)	31 (34.4)	4.16	0.792
C1.7	Cadangan komuniti telah dipertimbangkan dalam rancangan pembangunan pelancongan CBT di kawasan Pulau Tioman, tetapi belum lagi diberi keutamaan	0 (0)	3 (3.3)	7 (7.8)	66 (73.3)	14 (15.6)	4.01	0.609
C1.8	Cadangan yang dikemukakan oleh komuniti diterima dan dilaksanakan dalam program pembangunan pelancongan CBT di Pulau Tioman	2 (2.2)	2 (2.2)	8 (8.9)	13 (14.4)	65 (72.2)	4.52	0.915

Petunjuk: Sangat Tidak Setuju = STS, Tidak Setuju = TS, Neutral = N, Setuju = S, Sangat Setuju = SS
Sisihan Piawai = SP, Rendah = 1.00 – 2.40, Sederhana = 2.41 – 3.80, Tinggi = 3.81 – 5.00

Jadual 7 menunjukkan item (C1.6), (C1.7) dan (C1.8) mempunyai skor yang tinggi dengan julat min 4.16 hingga 4.52, item (C1.5) mempunyai skor yang sederhana dengan skor min 3.18 dan selebihnya item (C1.1), (C1.2), (C1.3) dan (C1.4) mempunyai skor yang rendah dengan julat min 1.36 hingga 2.19. Berdasarkan kepada analisis di Jadual 7, rumusan analisis keseluruhan bagi tahap penglibatan komuniti pada peringkat perancangan mengikut tangga penglibatan Arnstein (1969) adalah seperti mana di Jadual 8.

Jadual 8. Rumusan analisis keseluruhan bagi tahap penglibatan komuniti pada peringkat perancangan mengikut tangga penglibatan Arnstein (1969)

C1: Perancangan (*Planning*)

Item	Kenyataan item	Tangga penglibatan	Tahap penglibatan	Min	SP
C1.1	Komuniti tidak mempunyai kuasa untuk mengemukakan cadangan pembangunan pelancongan CBT di Pulau Tioman	1 <i>Manipulation</i> (Manipulasi)	Tiada penglibatan (<i>Non-participation</i>)	1.36	0.95
C1.2	Terdapat peluang untuk komuniti mengemukakan cadangan dalam merancang pembangunan pelancongan CBT, tetapi tidak ada kesediaan dari pihak komuniti untuk mengemukakan cadangan	2 <i>Therapy</i> (Terapi)		1.54	1.13
C1.3	Terdapat cadangan daripada komuniti dalam merancang pembangunan pelancongan CBT, tetapi hanya secara sederhana	3 <i>Informing</i> (Makluman)	<i>Degrees of tokenism</i> (Peringkat penglibatan simbolik)	1.57	1.16
C1.4	Komuniti boleh mengemukakan cadangan dalam merancang pembangunan pelancongan CBT, tetapi tidak ada jaminan bahawa idea tersebut akan direalisasikan dalam program yang akan dilaksanakan	4 <i>Consultation</i> (Perundingan)		2.19	1.24
C1.5	Komuniti boleh mengemukakan cadangan dalam merancang pembangunan pelancongan CBT, tetapi mempunyai peluang yang sangat sedikit untuk mempengaruhi program yang akan dilaksanakan	5 <i>Placation</i> (Pujukan/Menenangkan)		3.18	1.13
C1.6	Cadangan komuniti yang dipertimbangkan dalam rancangan pembangunan pelancongan CBT di kawasan Pulau Tioman diselaraskan dengan program Kerajaan	6 <i>Partnership</i> (Perkongsian)	<i>Degrees of citizen power</i> (Peringkat penglibatan sebenar)	4.16	0.79

	Tempatan dan boleh dilaksanakan					
C1.7	Cadangan komuniti telah dipertimbangkan dalam rancangan pembangunan pelancongan CBT di kawasan Pulau Tioman, tetapi belum lagi diberi keutamaan	7	<i>Delegated power</i> (Kuasa perwakilan)	4.01	0.60	
C1.8	Cadangan yang dikemukakan oleh komuniti diterima dan dilaksanakan dalam program pembangunan pelancongan CBT di Pulau Tioman	8	<i>Citizen control</i> (Kuasa rakyat)	4.52	0.91	
Keseluruhan (Peringkat penglibatan sebenar)				4.22	0.63	

Berdasarkan Jadual 8, skor min pada item (C1.1), (C1.2), (C1.3) dan (C1.4) adalah rendah dan skor min pada item (C1.5) adalah sederhana menunjukkan tahap penglibatan komuniti di peringkat perancangan tidak berada di tahap pertama Tiada Penglibatan (*Non-Participation*) yang melibatkan tangga penglibatan 1) *Manipulation* (Manipulasi), 2) *Therapy* (Terapi) atau tahap kedua *Degrees of Tokenism* (Peringkat Penglibatan Simbolik) yang melibatkan tangga penglibatan 3) *Informing* (Makluman), 4) *Consultation* (Perundingan) dan 5) *Placation* (Pujukan/Menenangkan) (Putra et al., 2019; Mohd Azhar & Kadir, 2020).

Berdasarkan rumusan analisis di Jadual 8 juga, didapati skor min pada item C1.6 (min = 4.16, SP 0.792), C1.7 (min = 4.01, SP 0.609) dan C1.8 (min = 4.52, SP 0.915) mencatatkan skor min yang tinggi menunjukkan bahawa tahap penglibatan komuniti pada peringkat perancangan adalah pada tahap ketiga iaitu *Degrees of Citizen Power* (Peringkat Penglibatan Sebenar). Item C1.8 iaitu “Cadangan yang dikemukakan oleh komuniti diterima dan dilaksanakan dalam program pembangunan pelancongan di Pulau Tioman” mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.52, SP 0.915) menunjukkan bahawa tahap penglibatan komuniti pada peringkat perancangan berada pada tangga ke lapan iaitu pada tangga *Citizen Control* (Kuasa Rakyat) yang merupakan tangga tertinggi berdasarkan kepada Teori Tangga Penglibatan Arnstein (1969). Berdasarkan kepada kajian daripada Putra et al. (2019) dan Mohd Azhar dan Kadir (2020), tahap penglibatan komuniti di peringkat perancangan adalah pada tahap tertinggi iaitu; i) Komuniti mempunyai kuasa majoriti untuk membuat perancangan dan keputusan; dan ii) Komuniti sentiasa mempunyai peluang untuk menentukan tahap penglibatan mereka termasuk dalam perancangan dan membuat keputusan terhadap; i) Proses perancangan dan pembangunan CBT di Pulau Tioman dan ii) Penglibatan komuniti dan pihak berkepentingan dalam proses perancangan dan pembangunan CBT di Pulau Tioman (Noni Lela et al., 2023; Aufa Shahrizal, 2023; Suzannah et al., 2015; Sangkakorn & Suwannarat, 2013).

Oleh itu, berdasarkan kepada analisis keseluruhan di Jadual 8 juga, skor min purata bagi tahap penglibatan di peringkat perancangan yang berada di pada tahap ketiga iaitu *Degrees of Citizen Power* (Peringkat Penglibatan Sebenar) yang melibatkan skor item tertinggi pada item (C1.6), (C1.7) dan (C1.8) adalah 4.22 dengan SP 0.635.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan kajian, tahap penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan CBT di Pulau Tioman adalah berada pada tahap tangga ke lapan (8) *Citizen Control* (Kuasa Rakyat) di peringkat penglibatan *Degrees of Citizen Power* (Peringkat Penglibatan Sebenar). Pelancongan berasaskan komuniti (CBT) melibatkan penyertaan aktif komuniti tempatan dalam pengurusan dan pembangunan pelancongan dalam komuniti yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti di Pulau Tioman adalah penting bagi memastikan sektor pelancongan ini dapat memberi manfaat kepada komuniti tempatan, sambil menjaga keseimbangan ekologi dan budaya. Melalui perancangan yang teliti dan penglibatan aktif dalam setiap peringkat pembangunan, komuniti tempatan Pulau Tioman dapat menikmati manfaat ekonomi yang adil dan mampan daripada pembangunan pelancongan CBT ini. Dalam kajian ini, tahap penglibatan komuniti diukur berdasarkan kepada Teori penglibatan Sherry R. Arnstein *Eight Rungs of Citizen Participation* (1969). Dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan CBT di Pulau Tioman adalah pada tahap tertinggi iaitu pada tangga kelapan 'Kuasa Rakyat' (*Citizen Control*) di tahap 'Peringkat Penglibatan Sebenar' (*Degrees of Citizen Power*).

Di Pulau Tioman, tahap penglibatan komuniti "Kuasa Rakyat" (*Citizen Control*) ini dapat diuraikan sebagai satu keadaan di mana komuniti mempunyai kuasa penuh dalam membuat keputusan, merancang, dan melaksanakan aktiviti pelancongan yang mempengaruhi kehidupan mereka. Pada tahap ini, komuniti bukan sahaja dilibatkan dalam proses perancangan, tetapi mereka mempunyai kawalan penuh terhadap keputusan dan pelaksanaan projek pembangunan pelancongan yang ada dalam komuniti. Dalam konteks Pulau Tioman, perkara ini juga merangkumi komuniti yang terlibat secara langsung dalam menentukan hala tuju pembangunan pelancongan, pengurusan sumber alam, serta projek pembangunan pelancongan yang relevan dengan kehendak dan keperluan mereka. Apabila tahap penglibatan komuniti berada di tahap "Kuasa Rakyat" (*Citizen Control*) dan "Peringkat Penglibatan Sebenar" (*Degrees of Citizen Power*) ini, komuniti memiliki pengaruh atau kawalan sepenuhnya terhadap bagaimana pelancongan dijalankan di dalam komuniti termasuklah keputusan mengenai jenis aktiviti pelancongan yang dilaksanakan dan bagaimana hasil daripada pelancongan digunakan untuk pembangunan komuniti setempat. Ini juga boleh melibatkan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dengan komuniti tempatan untuk memastikan bahawa sebarang keputusan atau dasar yang dibuat mencerminkan kepentingan dan keperluan komuniti. Penglibatan pada tahap ini memberikan kuasa penuh kepada komuniti untuk menyuarakan suara mereka dan memastikan bahawa mereka bukan hanya sekadar penerima keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa, tetapi juga menjadi pihak yang aktif dalam menentukan pengurusan dan pembangunan pelancongan di dalam kawasan mereka. Dapatan dan cadangan yang diketengahkan dalam kajian ini dilihat dapat memberikan kefahaman dan meningkatkan kesedaran kepada semua pelaku sosial khususnya pihak-pihak berkepentingan dalam industri pelancongan (komuniti tempatan, pihak berkuasa tempatan, kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan, jabatan dan agensi yang berkaitan) terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha untuk meningkatkan dan mengembangkan pembangunan pelancongan dengan konsep CBT ini dan memastikan kelestariannya bagi memastikan manfaat yang berterusan kepada semua pihak.

Penghargaan

Kajian ini sebahagiannya dibiayai oleh Tabung Agihan Penyelidikan TAP-16361.

Kenyataan persetujuan responden

Soal selidik kajian ini telah melalui proses kebolehpercayaan tanpa soalan sensitif dan mendapat persetujuan responden kajian yang terlibat.

Konflik kepentingan

Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdul Rashid A. R., Mohamad Zaid, M., & Syed Shikh Syed, A. K. (2014). Pembangunan Keupayaan Komuniti Menerusi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning Approach): Pengalaman Di Miso Walai Homestay Kinabatangan Sabah. Prosiding 080, CiE-TVET.
- Abdul Rashid, A. R. (2014). *Pengupayaan Komuniti dan Kelestarian Pembangunan Pelancongan di Miso Walai Homestay Kinabatangan, Sabah* [Doctoral dissertation, Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia].
- de Abreu, L. A., Marines, C. W., Andre, R. C. P., & Julia, F. F. (2024). Community-Based Tourism and best practices with the Sustainable Development Goals. *Administrative Sciences*, 14, 36.
- Amerta I. M. S. (2017). Community Based Tourism development. *International Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(3), 97-107.
- Amir Rizal, H. (2024). *Tahap Kesedaran Kakitangan Unit Teknologi Rangkaian TM Kuala Lumpur Terhadap Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan* [Master dissertation, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Asker, S., Boronyak, L., Naomi, N., & Paddon, M. (2010). Effective Community Based Tourism: A best practice manual. APEC Tourism Working Group. Sustainable Tourism Cooperative Research Centre. Gold Coast Campus, Griffith University, Australia.
- Asli D. A., Tasci., Robertico, C., & Jorge, B. V. (2014). Rise and fall of Community-Based Tourism – facilitators, inhibitors and outcomes. *Worldwide Hospitality and Tourism Themes*, 6(3), 261-276.
- Aufa Shahrizal, S. (2023). *Penglibatan Komuniti dalam Pembangunan Gua Harimau Sebagai Tapak Pelancongan Arkeologi* [Doctoral dissertation, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia].
- Azila, A., & Johanna, A. A. (2022). Developing Malaysia's Smart Community-Based Tourism Model. *Jurnal Intelek*, 17(2), 102-112.
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1. Kaedah Penyelidikan* (4th ed.). McGraw-Hill

- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 2. Asas Statistik Penyelidikan* (4th ed.). McGraw-Hill
- Curcija, M., Breakey, N., & Driml, S. (2019). Development of a conflict management model as a tool for improved project outcomes in Community Based Tourism. *Tourism Management*, 70, 341-354.
- Diana, & Setiawan, A. B. (2021). Evaluasi penerapan Community Based Tourism (CBT). *EFFICIENT: Indonesian Journal of Development Economics*, 4(1), 1044–1065.
- Dixey, L. (2005). Inventory and analysis of Community Based Tourism in Zambia. Production, Finance and Technology (PROFIT). USAID Private Sector Development Programme. Lusaka, Zambia.
- Dogra, N., Mohd Adil, Dhamija, A., Kumar, M., & Mohd Nasir. (2022). What makes a community sustainably developed? A review of 25 years of sustainable community tourism literature. *Community Development*, 53(5), 585-606.
- Fauziah, I., Khadijah, A., & Nazirah, H. (2023). *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Gaitho, V. G. (2014). Impact of community based ecotourism on households' livelihoods and environmental management in ngwesi and lekurruki group Ranches, Laikipia County, Kenya. *Journal of Sustainable Tourism*, 7(5), 13–29.
- Giampiccoli, A., & Mtapuri, O. (2020). Towards a coalescence of the Community-Based Tourism and "albergo diffuso" tourism models for sustainable local economic development. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*, 9(1), 1–20.
- Giampiccoli, A., & Mtapuri, O. (2021). From conventional to alternative tourism: Rebalancing tourism towards a Community-Based Tourism approach in Hanoi, Vietnam. *Social Sciences*, 10(5), 176.
- Giampiccoli, A., & Saayman, M. (2017). Community-Based Tourism, responsible tourism, and infrastructure development and poverty. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*, 6(2), 1-28.
- Giampiccoli, A., & Saayman, M. (2018). Community-Based Tourism development model and community participation. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*, 7(4), 1–27.
- Giampiccoli, A., Mtapuri, O., & Jugmohan, S. (2015). Community-Based Tourism in rich and poor countries: Towards a framework for comparison. *African Journal for Physical, Health Education, Recreation and Dance (AJPHERD)*, 21(4), 1200-1216.
- Giampiccoli, A., & Mtapuri, O. (2017). Beyond Community Based Tourism. Towards new sector classification system. *Gazeta de Antropologia*, 33(1).
- Goodwin, H., & Santilli, R. (2009). Community-Based Tourism: A Success?" International Centre for Responsible Tourism (ICRT) Occasional Paper 11.
- Habiba, & Farhana, Y. L. (2023). Community-Based Tourism (CBT): A community development tool. *European Journal of Business and Management*, 15(17), 1-9.
- Harrison, D., & Schipani, S. (2007). Lao tourism and poverty alleviation: Community-Based Tourism and the private sector. *Current Issues in Tourism* 10(2), 194-230.
- Hebby Wilanda. (2018). *Critical success factor for Community Benefiting Through Tourism (CBtT) in Cultural Heritage Tourism* [Master dissertation, Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia].
- Hendri, A., Mohd Hafiz, H., Arni, A. G., Muaz, A., & Nur Shahirah, M. S. (2023). Community-Based Tourism (CBT) moving forward: Penta Helix development strategy through

- community local wisdom empowerment. *Journal of The Malaysian Institute of Planners* 21(1), 72 – 88.
- Hiwasaki, L. (2006). Community-Based Tourism: A pathway to sustainability for Japan's protected areas. *Society and Natural Resources*, 19(8), 675-692.
- Imbaya, B. O., Nthiga, R. W., Sitati, N. W., & Lenaiyasa, P. (2019). Capacity building for inclusive growth in Community-Based Tourism initiatives in Kenya. *Tourism Management Perspectives*, 30, 11-18.
- Jessica James & Rosazman Hussin. (2022). Impak aktiviti pelancongan ke atas komuniti setempat di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah, Malaysia (Impact of tourism activities on the local communities in Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah, Malaysia). *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 8(1), 56-87.
- Kalsom Kayat. (2008). Stakeholders' perspective toward a community-based rural tourism development. *European Journal of Tourism Research*, 1(2), 94.
- Kibicho, W. (2008). Community-Based Tourism: A factor-cluster segmentation approach. *Journal of Sustainable Tourism*, 16(2), 211-231.
- Lapeyre, R. (2010). Community-Based Tourism as a sustainable solution to maximise impacts locally? The Tsiseb conservancy case, Namibia. *Development Southern Africa*, 27(5), 757-772.
- Lee, T. H., & Jan, F. H. (2019). Can Community-Based Tourism contribute to sustainable development? Evidence from residents' perceptions of the sustainability. *Tourism Management*, 70, 368–380.
- Lee, T. H., & Jan, F. H. (2019). Market segmentation based on the environmentally responsible behaviors of Community-Based Tourists: Evidence from Taiwan's community-based destinations. *International Journal of Tourism Research*, 21(3), 400-411.
- Mann, M. (2000). *The Community Tourism Guide. Exciting Holidays for Responsible Travellers*. (1st ed.). Routledge
- Marcus C., Noreen B., & Sally, D. (2019). Development of a conflict management model as a tool for improved project outcomes in Community Based Tourism. *Tourism Management*, 70, 341–354.
- Mitchell, J., & Muckosy, P. (2008). A misguided quest: Community Based Tourism in Latin America. Overseas Development Institute.
- Mohd Azhar, M. A., & Kadir, A. (2020). Penglibatan awam sebagai pembuat keputusan dalam Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan (Public participation as a decision maker in Local Plans at Local Authority). *Akademika*, 90(1), 151-163.
- Muhammad Asri, I., & Novel, L. (2021). Impak penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan luar bandar (The impact of community involvement in Rural Tourism Development). *Journal of Social Science and Humanities*, 18(2), 40-55.
- Muhammad Nazri, M. N., Habibah, A., Norngahiny, T., Shamsubaridah, R., & Maisarah, M.,R. (2018). Kesiediaan pengusaha dalam membangunkan program pengalaman homestay di Negeri Sembilan (Operators' readiness in developing homestay experience programme in Negeri Sembilan). *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1- 15.
- Muhyi, H. A., Chan, A., Sukoco, I., & Herawaty, T. (2017). The Penta Helix Collaboration Model in developing centers of flagship industry in Bandung City. *Review of Integrative Business and Economics Research*, 6(1), 412.
- Nagy, K. X. H., & Segui, A. E. (2020). Experiences of Community-Based Tourism in Romania: chances and challenges. *Revista de Analisis Turistico*, 27(2), 143-163.

- Noni Lela, H. A., & Zuraida, Y. (2023). Meneroka kuasa transformatif naratif: Pendekatan Naratif untuk memahami pengalaman pelancongan berasaskan komuniti (Exploring the transformative power of narrative: A narrative approach to understanding Community-Based Tourism experiences). *International Journal of Business and Technology Management*, 5(3), 387-395.
- Norhamimah, B. (2011). *Penerimaan Komuniti Tempatan Terhadap Perlaksanaan Program Homestay Kawasan Kajian: Felda Semenchu* [Master dissertation, Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia].
- Nur 'Adilah Hassan. (2021). *Pemeriksaan Modal Sosial Melalui Pemeliharaan Petempatan Tradisional, Terengganu* [Master dissertation, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nur Hawa Hanis, A., & Ghazali, D. (2018). Kesiediaan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 22-31.
- Nurhasanah, I. S., & Persada, C. (2018). Identifying local community's empowerment in developing sustainable tourism in Pahawang Island, Pesawaran Regency, Lampung Province. *Journal of Science and Applicative Technology*, 1(1).
- Pham Hong, L., Ngo, H. T., & Pham, L. T. (2021). Community Based Tourism: Opportunities and challenges a case study in Thanh Ha Pottery Vil-Lage, Hoi an City, Vietnam. *Cogent Social Sciences*, 7(1), 1926100.
- Phuong, N. T. M., Song, N. V., & Quang, T. X. (2020). Factors Affecting Community-Based Tourism Development and Environmental Protection: Practical Study in Vietnam. *Journal of Environmental Protection*, 11, 124-151.
- Putra, H. W. S., Abdul Hakim, Harsuko, R., & Amin, S. L. (2019). Community participation in development of ecotourism in Taman Beach, Pacitan District. *Journal of Indonesian Tourism and Development Studies*, 7(2), 91-99.
- Rashidi, A. (2018). Kompetensi interpersonal dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP): Satu analisis (Interpersonal competency of UMP'S students: An analysis). *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 4(1), 106-121.
- Retno, G., & Hunik, S. R. (2023). Community empowerment in tourism development: Concepts and implications. *The Eastasouth Management and Business (ESMB)*, 1(3), 111-119.
- Richards G., & Hall, D. (2002). *Tourism and Sustainable Community Development*. London dan Routledge Taylor & Francais Group.
- Rosazman Hussin & Velan Kunjuraman. (2014). Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *Geografia-Journal of Society and Space*, 10(3), 160-174.
- Rosli Nooruddin. (2007). *Penglibatan Komuniti Kampung Pali Melaka dalam Pembangunan Pelancongan melalui Pendekatan Pro-Poor Tourism* [Degree thesis, Universiti Teknologi Malaysia].
- Salazar, N. (2012). Community-Based Cultural Tourism: Issues, threats and opportunities. *Journal of Sustainable Tourism*, 20(1), 9-22.
- Sangkakorn, K., & Suwannarat, S. (2013). Local People Participation in Tourism Development: The Case Study of Chiang Mai. 2nd Conference on Asian Economic Development.
- Schott, C., & Nhem, S. (2018). Paths to the market: Analysing tourism distribution channels for Community-Based Tourism. *Taylor & Francis in Tourism Recreation Research*, 43(3), 356-371.

- Sebele, L. S. (2010). Community-Based Tourism ventures, benefits and challenges: Khama Rhino Sanctuary Trust, Central District, Botswana. *Tourism Management*, 31(1), 136-146.
- Shahzad, A. B., & Mundhe, N. N. (2023). Community Based Tourism: Concepts and perspectives. *International Journal of Research Publication and Reviews*, 4(5), 3823-3827.
- Stone, L. S., & Stone, T. M. (2011). Community-Based Tourism enterprises: challenges and prospects for community participation; Khama Rhino Sanctuary Trust, Botswana. *Journal of Sustainable Tourism*, 19(1), 97-114.
- Strydom, A. J., Mangope, D., & Henama, U. S. (2019). Making Community-Based Tourism sustainable: Evidence from the free state province, South Africa. *Geo Journal of Tourism and Geosites*, 24(1), 7-18.
- Sutresna I.B., Suyana, U., Saskara Ida Ayu, N., & Wiwin Setiari, N. P. (2019). Community Based Tourism as sustainable tourism support. *RJOAS*, 10(94), 70-78.
- Tasci, A. D. A., Semrad, K. J., & Yilmaz, S. S. (2013). Community Based Tourism: Finding the Equilibrium in the COMCEC Context. Setting the Pathway for the Future. COMCEC Coordination Office, Ankara, Turkiye.
- Thi, H. N., & Cruetz, S. (2022). Assessing the sustainability of Community-Based Tourism: A case study in rural areas of Hoi An, Vietnam. *Cogent Social Sciences*, 8(1), 2116812.
- Ullah, I., & Kim, D. Y. (2020). A model of collaborative governance for community based trophy-hunting programs in developing countries. *Perspectives in Ecology and Conservation*, 18(3), 145-160.
- Velan Kunjuraman. (2019). Kajian terhadap syarat dan fenomena semasa dalam pembangunan program homestay di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(1), 84-97.
- Walkowski, M. C., Pires, P. S., & Tricárico, L. T. (2019). Community-Based Tourism initiatives and their contribution to sustainable local development. *Journal of Sustainable Tourism and Entrepreneurship (JoSTE)*, 1(1), 55-67.
- Yahya Ibrahim. (2008). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zapata, M., Hall, C., Lindo, P., & Vanderschaeghe, M. (2011). Can Community-Based Tourism contribute to development and poverty alleviation? Lessons from Nicaragua. *Current Issues in Tourism*, 14(8), 725-749.
- Zielinski, S., & Luz Helena. D. R. (2022). Community-Based Tourism, social capital, and governance of post-conflict rural tourism destinations: The case of Minca, Sierra Nevada de Santa Marta, Colombia. *Tourism Management Perspectives*, 43, 100985.